



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A  
MALAYSIA

# KENYATAAN MEDIA

## PJD LINK: Menteri Kanan Jumpa Wakil Penduduk Petaling Jaya

Susulan permintaan daripada penduduk yang terlibat dengan pelaksanaan projek pembinaan lebuh raya Petaling Jaya Traffic Dispersal Elevated Highway (PJD Link), Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Hj Fadillah Hj Yusof, petang ini telah mengadakan pertemuan dengan wakil penduduk Petaling Jaya berhubung cadangan pelaksanaan projek berkenaan.

Dalam pertemuan itu, Menteri Kanan Kerja Raya telah memberi penjelasan terperinci berhubung cadangan pelaksanaan projek PJDLink kepada wakil penduduk dan menzahirkan komitmen kerajaan dalam memastikan pihak syarikat pencadang melaksanakan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA), Penilaian Impak Trafik (TIA) dan Penilaian Impak Sosial (SIA) selaras dengan Syarat Dulu / Condition Precedent (CP) yang ditetapkan dalam Perjanjian Konsesi. Mereka juga perlu memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Dalam pertemuan yang berlangsung di Bangunan Parlimen itu juga, Menteri Kanan Kerja Raya telah menekankan bahawa pihak syarikat diberi kelulusan bersyarat, iaitu dalam tempoh setahun mestilah mengemukakan laporan EIA, TIA dan SIA. Ia juga perlu dibentangkan semula kepada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan. Setelah itu, baharulah ianya akan di bawa kepada Kementerian Kerja Raya untuk kelulusan muktamad.

Pihak Syarikat juga perlu mengadakan sesi libat urus bersama wakil penduduk dan pihak berkepentingan di jajaran terlibat.

Wakil penduduk yang hadir dalam pertemuan dengan Menteri Kanan Kerja Raya hari ini ialah Encik James Tan, Encik David Yoong, Encik Michael Kum, Encik Justin Lee, Encik Melvin David dan Encik Thomas Ng.

**KEMENTERIAN KERJA RAYA**  
**2 OGOS 2022**

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

WWW.KKR.GOV.MY PRO@KKR.GOV.MY KEMENTERIAN KERJA RAYA KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,  
50580 Kuala Lumpur